



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan **bertaraf Kontrak** di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan keutamaan kepada **Anak Negeri Selangor**.

1. Nama Jawatan	:	PENOLONG JURUUKUR BAHAN	
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kejuruteraan	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
Taraf Jawatan	:	Kontrak	
Kekosongan Jawatan	:	1	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	JA29 RM 1,549.00	RM 5,701.00

Elaun :

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	RM300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)	RM300.00

Syarat Lantikan :

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) i) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00); atau

- ii) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,935.02).

- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang MPAJ 1 (Percuma) yang boleh didapati dari **Kaunter Khidmat Pelanggan atau muat turun borang melalui laman web Majlis Perbandaran Ampang Jaya iaitu www.mpaj.gov.my**
- b) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar beserta dengan:
- i. **Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran;**
 - ii. **Salinan Sijil-sijil Persekolahan termasuk Sijil Berhenti Sekolah;**
 - iii. **Salinan Kelulusan Akademik** (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTS dan luar negara - (jika berkenaan);
 - iv. **Transkrip keputusan peperiksaan semua semester** (jika yang berkenaan);
 - v. Sekeping **gambar ukuran passport (warna)**; dan
 - vi. **Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan dipenjuru atas kiri sampul surat permohonan.**
- c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' 21 (Disertakan bersama rekod perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan LNPT yang terkini).
- d) Calon-calun yang terpilih akan menjalani Ujian Kecerdasan (IQ Test) dan Ujian Kecergasan (Fitness) sebelum layak dipanggil untuk sesi temuduga.

PENTING:

- i. Permohonan yang **lewat** dan **tidak lengkap** diisi akan **ditolak**.
- ii. Hanya calon yang ditapis sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iv. Sebarang tuntutan perbelanjaan adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- v. **Slip akuan penerimaan borang permohonan** hendaklah diisi dan disertakan dengan **setem 70 sen**.
- vi. **Satu borang untuk satu jawatan sahaja**.
- vii. Sebarang pertanyaan atau kesulitan sila hubungi talian **03-4285 7040/7037**.

Semua permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN ARAS 4
MENARA MPAJ
JALAN PANDAN UTAMA
PANDAN INDAH
55100 KUALA LUMPUR
(U.P: BAH. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Diiklankan pada : 28 OKTOBER 2019 (ISNIN)

Tarikh tutup permohonan pada : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK NEGERI SELANGOR